



Kenyataan Akhbar

2 November 2017

---

**KENYATAAN AKHBAR AWQAF BERKENAAN KEMBALI KE  
RAHMATULLAH PENERUS AWQAF,  
ALLAHYARHAM TAN SRI MUHAMMAD ALI BIN HJ  
HASHIM**

---

1. Saya bagi mewakili keluarga besar Awqaf Holdings Berhad (AWQAF) merakamkan ucapan takziah kepada balu beliau, Puan Sri Noorzilah Mohammed Ali dan keluarga Allahyarham Tan Sri Muhammad Ali Bin Hashim keseluruhannya, di atas kembali ke rahmatullah Allahyarham sekitar jam 3.30 petang pada 31 Oktober 2017 disebabkan penyakit barah.
2. Pemergian beliau yang merupakan Pengerusi AWQAF dan Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia, merupakan satu kehilangan yang sangat besar dalam dunia ekonomi negara dan antarabangsa.
3. Allahyarham Tan Sri Muhammad Ali merupakan mantan Presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporation (JCorp) selama 28 tahun. Beliau merupakan pengasas dan pelopor Waqaf Korporat® di Malaysia dengan penubuhan Waqaf An Nur Corporation Bhd (WANCorp), sebuah institusi Waqaf Korporat® yang pertama di Malaysia dengan aset berjumlah melebihi RM800 juta pada tahun 2016.

4. Tan Sri Muhammad Ali merupakan Presiden DPIM bermula dari tahun 2012 menggantikan Presiden sebelumnya iaitu Yang Mulia Tengku Tan Sri Ahmad Rithauddeen Al-Haj. Bersama-sama DPIM beliau memperjuangkan konsep Waqaf Korporat® sebagai jalan jihad bisnes.

5. Beliau merupakan Pengerusi pengasas AWQAF Holdings Berhad sejak penubuhannya pada 3 September 2012. AWQAF, satu inovasi instrumental ekonomi Islam yang lahir dari pemikiran Allahyarham sebagai konsep yang mengintegrasikan institusi wakaf secara langsung ke dalam sistem pembangunan ekonomi negara.

6. Waqaf Korporat® adalah satu strategi mentransformasikan institusi wakaf konvensional yang diamalkan umat Islam selama ini supaya dapat memainkan peranana lebih berkesan dalam pembangunan ekonomi menggunakan kaedah bisnes dan korporat. Ianya satu konsep yang menggabungkan keunikan wakaf dengan amalan terbaik korporat, dan dengan demikian dapat memanfaatkan kelestarian wakaf dengan mengaplikasikan kaedah pengurusan korporat yang lebih telus, akauntabiliti dan berlandaskan urus tadbir korporat terbaik.

7. Sejak dilancarkan pada Jun 2016, AWQAF Holdings telah mendapat sokongan dan dokongan dari masyarakat Islam Malaysia di mana sebanyak RM4.67 juta dana wakaf dari 672 Ahli Awqaf dapat dihimpunkan sehingga 31 Oktober 2017. Konsep Waqaf Korporat® ini juga mendapat banyak pengiktirafan dari dalam dan luar negara dan sentiasa menjadi rujukan dunia dalam aplikasi Wakaf Korporat®.

8. Penerima anugerah Tokoh Maal Hijrah 2007 ini juga aktif menyalurkan idea perjuangan jihad bisnes beliau melalui penulisan buku-buku, syarahan umum dan media - media tempatan dan luar negara. Melalui penulisan, beliau telah menghasilkan beberapa buah buku dalam usaha berkongsi pengalaman dan mengetengahkan konsep Jihad Bisnes dan Waqaf Korporat® kepada masyarakat. Antara tulisan beliau termasuklah *Membujur Lalu - Satu Pengalaman Orang Melayu Dalam Pengurusan* (1995), *Bisnes Satu Cabang Jihad - Pembudayaan Bisnes untuk Survival* (2003), *Khalifah Ganti Superman* (2011) dan *Strategi Jihad Bisnes* (2015). Dua buah buku beliau telah diiktiraf oleh Yayasan Pembangunan Buku Negara dengan

penganugerahan Anugerah Buku Negara iaitu *Khalifah Ganti Superman* pada tahun 2012 dan *Strategi Jihad Bisnes* pada tahun 2016.

9. Kehilangan Allahyarham begitu dirasai kerana ketegasan dan kegigihan beliau dalam perjuangan menerapkan nilai dan prinsip Islam ke dalam bisnes. Beliau telah memperkenalkan beberapa konsep yang membawa impak besar seperti konsep "*Jihad Bisnes*", "*Intrapreneur*" dan "*entrepreneur Amanah*" dan institusi "*Waqaf Korporat®*". Allahyarham terus memperjuangkan konsep Jihad Business dan Waqaf Korporat® sehingga ke akhir hayatnya seperti mana yang beliau sering sarankan ketika menjadi Presiden JCorp," jika *di dalam tangan kita ada benih, sekiranya esok kita akan mati, tanamlah benih tersebut yang pastinya akan membuahkan hasil kemudian kelak*".

10. Almarhum Tan Sri Muhammad Ali telah meninggalkan AWQAF sebagai sebuah institusi Waqaf Korporat® milik umat. Ayuh kita semua bangkit meneruskan kesinambungan perjuangan yang telah diasaskan oleh Almarhum. Kami menyeru kepada semua umat Islam untuk terus berwakaf kepada AWQAF untuk kita sama – sama menjayakan matlamat besar Waqaf Korporat®.

11. Bagi AWQAF pula, pemergian beliau amat dirasai dan merupakan kehilangan yang amat besar. Semangat dan perjuangan beliau akan terus didokong dan diteruskan bagi menjayakan Waqaf Korporat®. Kedudukan Allahyarham sebagai Pengerusi AWQAF dan peralihan kepimpinan akan ditentukan oleh Ahli Lembaga Pengarah AWQAF yang akan bersidang dalam masa terdekat.

12. Semoga roh Arwah ditempatkan bersama para siddiqin, syuhada dan solihin sejajar dengan usaha dan kegigihan beliau membela kepentingan umat Islam sehingga ke saat-saat akhir beliau.

Disediakan oleh

**MOHAMMAD SAHAR BIN MAT DIN**  
Timbalan Pengerusi